

Najib mohon kes SRC International dibicarakan semula

Oleh SUWARNI MOKHTAR
utusannews@mediamulia.com.my

PUTRAJAYA: Bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak bukan sekadar merayu agar Mahkamah Persekutuan membenarkan permohonannya untuk memasukkan bukti-bukti baharu, tetapi, turut memohon agar perbicaraan kes SRC International Sdn. Bhd. yang mengambil masa 100 hari sebelum ini dibicarakan semula.

Ketika berhujah dalam rayuan terhadap keputusan Mahkamah Rayuan yang menolak permohonan Ahli Parlimen Pekan untuk memasukkan bukti baharu tersebut, peguambela, Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah menyatakan pihaknya tidak mendapat peluang sewajarnya untuk didengari ketika mengemukakan permohonan tersebut di Mahkamah Rayuan.

Jelasnya, pihaknya berada dalam keadaan pincang selepas pasukan tersebut terpaksa 'berpecah' selepas salah seorang daripada mereka dijangkiti Covid-19 dan atas alasan itu, Mu-



NAJIB TUN RAZAK

hammad Shafee telah memohon agar pendengaran permohonan tersebut ditangguhkan.

Permohonan tersebut bagaimanapun tidak dibenarkan oleh panel tiga hakim yang diketuai Datuk Abdul Karim Abdul Jalil bersama-sama Datuk Has Zanah Mehat serta Datuk Vazeer Alam Mydin Meera dan sebaliknya megarahkan pihak-pihak berhujah secara hibrid.

"Saya mengalami kesukaran untuk berhujah disebabkan

segala dokumen berkaitan berada di pejabat manakala saya dan ahli-ahli pasukan yang lain berada di rumah masing-masing kerana perlu menjalani kuarantin sendiri.

"Apabila kita menghadiri sesuatu prosiding di mahkamah, kita akan merasakan bahawa hakim-hakim akan membuat keputusan dengan bebas, tetapi prosiding tersebut ditamatkan dengan kami (pembela) merasakan bahawa tiada keadilan diberikan oleh mahkamah. Kami tidak diberikan hak untuk didengar," kata Muhammad Shafee.

Peguam itu ketika berhujah turut mencadangkan tiga alternatif kepada mahkamah sekiranya permohonan untuk memasukkan bukti-bukti baharu itu dibenarkan.

Katanya, Mahkamah Persekutuan boleh mengarahkan agar permohonan tersebut didengar di hadapan panel Hakim Mahkamah Rayuan yang baharu sekaligus akan memutuskan semula rayuan yang dikemukakan Najib berhubung hukuman pen-

jara 12 tahun dan denda RM210 juta yang dikenakan terhadapnya oleh Mahkamah Tinggi selepas didapati bersalah atas tujuh pertuduhan membabitkan penyelewengan dana SRC International.

"Alternatif kedua ialah Mahkamah Persekutuan boleh mengarahkan kami memfailkan permohonan baharu berkaitan bukti baharu tersebut dan didengar oleh panel yang lain.

"Sekiranya Mahkamah Persekutuan memutuskan bahawa pihak kami telah dinafikan hak di peringkat Mahkamah Rayuan, mahkamah selepas membenarkan permohonan kami boleh mengarahkan agar kemasukan bukti baharu itu didengar semula di peringkat Mahkamah Tinggi," kata Muhammad Shafee.

Bukti baharu itu antaranya membabitkan penglibatan bekas Gabenor Bank Negara, Tan Sri Zeti Akhtar yang dikatakan mempunyai bersekolong dengan Jho Low atau Low Taek Jho bagi memudahkan ahli perniagaan dalam buruan itu untuk menyeleweng dana 1Malaysia

Development Bhd. (1MDB) dan anak syarikatnya SRC International.

Sementara itu, sewaktu mahkamah berhenti rehat pada waktu tengah hari, Muhammad Shafee memaklumkan kepada media bahawa pihaknya akan memfailkan permohonan agar perbicaraan kes SRC International itu dibicarakan semula.

Ia berikutan Hakim Datuk Mohd. Nazlan Mohd Ghazali yang mendengar perbicaraan kes itu dan membuat keputusannya, sepatutnya menarik diri daripada mendengar kes berkenaan, terlibat dalam permohonan pinjaman syarikat berkaitan 1MDB ketika berkhidmat sebagai setiausaha syarikat Maybank dan penasihat undang-undang kumpulan bank berkenaan.

Semalam, Muhammad Shafee selepas perbicaraan kes penyelewengan dana 1MDB memberitahu media bahawa Hakim Mohd. Nazlan yang kini merupakan Hakim Mahkamah Rayuan sepatutnya mendedahkan jawatan terdahulunya pada tahun 2012 iaitu selaku setiausaha syarikat dan ketua penasihat undang-undang kumpulan Maybank.

Tambahnya, 1MDB telah mendapatkan pinjaman melebihi RM4 bilion daripada Maybank sewaktu pengambilan pengeluaran tenaga bebas (IPP) Tanjong Energy Holdings Sdn Bhd yang melalui pelbagai proses, jawatankuasa risiko dan keseluruhan lembaga (lembaga pengarah Maybank) yang turut membabitkan Hakim Mohd. Nazlan yang ketika itu merupakan ketua undang-undang, penasihat undang-undang kumpulan dan ketua bahagian korporat serta undang-undang.

Pada 28 Julai 2020, Hakim Mohd. Nazlan mensabitkan dan mengenakan hukuman penjara 12 tahun dan denda RM210 juta, selepas mendapati Najib bersalah terhadap tujuh tuduhan pecah amanah, menyalahgunakan kedudukan dan pengubahan wang haram dana RM42 juta milik SRC International.

SRC International merupakan syarikat subsidiari 1MDB.

Pada 8 Disember 2021, panel tiga hakim Mahkamah Rayuan menolak rayuan Ahli Parlimen Pekan itu dan mengekalkan keputusan Mahkamah Tinggi.

LIPATAN SEJARAH

Kompleks Baitulmal Wilayah Persekutuan akan dibina

Pada 16 Mac 1977, *Utusan Malaysia* melaporkan Baitulmal Wilayah Persekutuan akan membina sebuah bangunan 12 tingkat yang perniagaannya akan berteraskan Islam.

Kompleks yang akan dibina di atas

tapak seluas 744 hektar persegi di Lorong Haji Hussein dua Kampung Baharu itu melibatkan kos RM15 juta. Projek yang akan bermula pertengahan tahun ini dan dijangka siap pada tahun 1986 akan diusahakan sepenuhnya oleh orang Islam.

ANTARA PERISTIWA LAIN YANG MENARIK

16 Mac 1971

Ahli Dewan Rakyat yang berkhidmat selama 15 tahun akan menerima pencen RM333.33 sebulan dengan bayaran ganjaran atau gratuity sebanyak RM22,500.

16 Mac 1972

Timbalan Perdana Menteri, Tun Dr. Ismail berkata, Malaysia memandang serius dan akan menentang cadangan Soviet hendak menjadikan Selat Melaka sebagai perairan antarabangsa.

16 Mac 1982

Datuk Misbun Sidek menjuarai Kejohanan Badminton Terbuka Sweden mengalahkan Ickuk Sugiarto dari Indonesia dengan kiraan 9-15, 18-14 dan 15-13.



Dapatkan maklumat lanjut di Pusat Maklumat dan Arkib Media Mulia Sdn Bhd. Untuk pertanyaan atau pembelian bahan-bahan arkib sila hubungi kami di 03-74556428 atau emel infocenter@mediamulia.com.my